

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

PELANCARAN TABUNG ROHINGYA UTUSAN-TH

Kuala Lumpur, 26 November 2016 : Lembaga Tabung Haji (**TH**) pada hari ini melancarkan **Tabung Rohingya Utusan-TH** yang disempurnakan oleh YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi **TH** di ibu pejabatnya. Inisiatif ini adalah hasil **kerjasama TH dengan Kumpulan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad dan Kelab Putra 1Malaysia (KP1M)**.

*"Pewujudan tabung ini adalah kerjasama antara Kumpulan Utusan, **TH** dan Kelab Putra 1 Malaysia. Ia merupakan gabungan yang baik kerana Kumpulan Utusan mempunyai kepakaran menyebarkan inisiatif ini kepada masyarakat umum, Kumpulan **TH** pula mempunyai prasarana dalam membantu memudahkan kutipan, manakala KP1M mempunyai pengalaman dalam misi bantuan kemanusiaan di Myanmar dan negara-negara lain",* kata YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim dalam ucapannya.

TH amat bersimpati dengan nasib etnik Rohingya beragama Islam yang di zalimi di Myanmar. Dana yang terkumpul daripada tabung ini diharap dapat membantu meringankan beban mangsa-mangsa penindasan tersebut. **Tabung ini akan dibuka selama empat bulan, bermula 1 Disember 2016 sehingga 1 April 2017.**

Dalam majlis ini, **sejumlah RM283,000 berjaya dikumpulkan hasil sumbangan Jakel Trading Sdn Bhd, TH, KP1M, TH Plantations Berhad, TH Travel & Services Sdn. Bhd, TH Properties Sdn. Bhd., Surau TH Ibu Pejabat, Koperasi TH Sdn. Bhd. dan Masjid TH Kelana Jaya.**

Sumbangan boleh disalurkan kepada **Tetuan Yayasan Kumpulan Utusan** akaun **Bank Islam 14283010000572.** Sumbangan juga boleh dibuat di cawangan-cawangan **TH**, mesin-mesin CDM dan transaksi atas talian Bank Islam.

TH merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang berganding bahu bersama **TH** dalam merealisasikan misi bantuan kemanusiaan ini. **TH** juga mengharapkan dana yang terkumpul kelak akan dapat disalurkan secepat mungkin secara berperingkat kepada mangsa etnik Rohingya secara sistematik dengan bantuan daripada Kedutaan Malaysia di Myanmar dan Wisma Putra.

Turut hadir sama dalam majlis ini adalah YBhg. Dato' Johan Abdullah, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**; YBhg. Datuk Mohd Noordin Abbas, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan Utusan; Ahli-ahli Lembaga Pengarah **TH**, wakil-wakil penyumbang, pengurusan serta anggota **TH**.

-Tamat-